

# EA pacu inovasi digital perkhidmatan kerajaan

➡ Bentuk pemikiran pegawai muda sahut cabaran Revolusi Industri 4.0

Inovasi perkhidmatan digital memudahkan rakyat, komuniti dan industri berinteraksi serta berhubung dengan kerajaan melalui perkhidmatan digital berkualiti dan memenuhi ekspetksi teknologi terkini.

Pendekatan Enterprise Architecture (EA) menggunakan rangka kerja Malaysia Government Enterprise Architecture (MyGovEA) memungkinkan perubahan perkhidmatan kerajaan secara konvensional kepada perkhidmatan melalui saluran digital.


Pengaplikasian pendekatan EA membina asas untuk organisasi menggambarkan secara menyeluruh proses kerja, perkhidmatan, data, aplikasi serta teknologi yang boleh dimanfaatkan dan hubungkaitnya dalam perkhidmatan digital kerajaan merentas pelbagai agensi.

Pada masa sama, rakyat mendapat pengalaman menggembirakan kerana tidak perlu berurus dengan pelbagai agensi kerajaan semasa mendapatkan perkhidmatan, sebaliknya melalui satu gerbang tunggal atau aplikasi mobil di telefon pintar masing-masing, proses pendaftaran, semakan dan pembayaran boleh diselesaikan.

Dengan adanya inovasi digital, ia dapat mewujudkan pemimpin dan kepakaran digital kerajaan. Ia juga dapat meningkat dan memantapkan tahap keupayaan serta kompetensi digital dalam kalangan penyedia perkhidmatan digital kerajaan dan penjawat awam bagi mewujudkan pemimpin dan pakar digital kerajaan.

Analisis jurang keupayaan melalui EA memberi gambaran tahap peningkatan ilmu diperlukan oleh organisasi bagi melahirkan barisan kepemimpinan bertaraf tinggi yang mempunyai nilai murni dan penghayatan digital sebagai budaya kehidupan mereka.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad ketika pelancaran Malaysia Future Leaders School di Universiti Malaya berkata, tidak keterlaluan jika kita katakan bahawa perkembangan



**MyGovEA**  
MALAYSIA GOVERNMENT ENTERPRISE ARCHITECTURE

**PENDEKATAN REKA BENTUK EKOSISTEM ORGANISASI PERKHIDMATAN AWAM**

**EKOSISTEM ORGANISASI**  
Sistem yang melibatkan interaksi antara elemen organisasi merangkumi struktur, proses, perkhidmatan, sumber, aplikasi dan teknologi untuk mencapai matlamat organisasi

inovasi teknologi pesat berperanan besar dalam membentuk pemikiran pegawai (anak muda) bagi menyediakan mereka untuk menyalut cabaran Revolusi Industri 4.0 dan memastikan keupayaan mereka menangani teknologi moden serta berkeupayaan menggunakan teknologi tersebut secara positif dan berkesan.

## Sentiasa berhubung melalui internet dan mobil

Masyarakat digital di Malaysia kini memilih untuk sentiasa berhubung melalui media sosial dan mengubah cara berkomunikasi.

Memanfaatkan tingkah laku dan minat rakyat terhadap penggunaan media sosial, kerajaan membangunkan perkhidmatan menggunakan aplikasi mudah alih atau mobil bagi meningkatkan penggunaan perkhidmatan kerajaan di mana sahaja dan pada bila-bila masa.

Perkhidmatan kerajaan yang

berasaskan aplikasi mudah alih ditempatkan secara dalam satu galeri, iaitu Galeri Aplikasi Mudah Alih Kerajaan Malaysia (GAMMA) yang boleh dicapai menggunakan peranti pintar.

Pemanfaatan teknologi baharu yang diaimbilkira dalam lakaran rajah architecture melalui EA, memacu agensi berinovasi untuk mengubah perkhidmatan kerajaan yang menggunakan teknologi Revolusi Industri 4.0 seperti Internet of Things (IoT), Kecerdasan Buatan (AI), Blockchain, Augmented Intelligence dan Chatbot.

## Persekutaran tanpa tunai

Kerajaan komited untuk maju kehadapan dengan memberi tumpuan kepada ekonomi digital bagi membantu komuniti dan perniagaan berkembang ke peringkat global.

Hasrat berkenaan menjadi permohonan kepada kerajaan menyediakan persekitaran perniagaan

dan pembayaran tanpa tunai.

Perkhidmatan digital kerajaan tanpa tunai dilaksanakan menerusi program dan penggunaan aplikasi e-Pembayaran seperti MyBaray, MyPay dan JOMPAY serta pelbagai mod pembayaran.

Perkhidmatan tanpa tunai adalah usaha sama kolaboratif strategik dengan institusi kewangan, sektor perbankan, penyedia perkhidmatan telekomunikasi dan agensi pelaksana kerajaan.

Hasil penggunaan secara optimum platform digital kerajaan seperti platform pembayaran tanpa tunai yang dikenal pasti semasa melakarkan reka bentuk inovatif perkhidmatan digital masa hadapan melalui EA, membolehkan beberapa agensi kerajaan dan swasta bergabung mengadaptasi platform digital, menggunakan analisis data dan meneroka peluang membina perniagaan digital.

EA menyediakan kaedah berstruktur yang memudahkan agen-

si untuk menggunakan semula platform digital sedia ada dan prasarana ICT yang ditingkatkan untuk mengurangkan perbelanjaan kerajaan dalam jangka masa panjang.

Terkini, 94 peratus rakyat Malaysia mendapatkan produk dan perkhidmatan Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS) melalui Facebook, yang mana 62 peratus terus membuat pembelian dan membayar pembayaran tanpa tunai.

Malaysia adalah negara pertama, selain China yang menerajui perkhidmatan dompet elektronik (e-dompet) bagi menggalakkan transaksi tanpa tunai.

Sekiranya inisiatif EA diadaptasikan oleh keseluruhan agensi perkhidmatan awam untuk berinovasi dalam mentransformasikan perkhidmatan digital, matlamat kerajaan digital 2020 akan tercapai.

Maklumat lanjut mengenai MyGovEA boleh dilayari di [www.1govea.mampu.gov.my](http://www.1govea.mampu.gov.my).

## MyGovEA DOMAIN ARCHITECTURE

Komponen domain architecture MyGovEA menakrifkan empat (4) bidang architecture iaitu business, data, aplikasi dan teknologi. Domain architecture perlu dibangun dan diselenggara bagi memastikan kemampuan amalan EA di agensi sektor awam.

### Architecture Business

Lanskap keseluruhan perkhidmatan teras/business sebuah organisasi merangkumi:

- Struktur organisasi, sumber organisasi
- Interaksi antara strategi perkhidmatan teras/business, matlamat, fungsi, proses dan keperluan maklumat organisasi

### Architecture Data

Menerangkan bagaimana data disimpan, disusun, dilintegrasi, dicapai dan digunakan oleh aplikasi untuk menyokong operasi organisasi.

### Architecture Aplikasi

Menerangkan sistem atau aplikasi yang digunakan oleh organisasi untuk menyokong operasi perkhidmatan teras/businessnya.

### Architecture Teknologi

Menerangkan infrastruktur teknikal yang digunakan untuk menghos aplikasi dan data bagi menyokong proses perkhidmatan teras/business organisasi.